

**PENGGUNAAN LAMAN RANGKAIAN SOSIAL (*FACEBOOK*)  
DALAM KALANGAN GURU: MOTIF DAN KESANNYA**

**FARIDANURA BINTI ABDULLAH**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

PENGGUNAAN LAMAN RANGKAIAN SOSIAL (*FACEBOOK*)  
DALAM KALANGAN GURU : MOTIF DAN KESANNYA

FARIDANURA BINTI ABDULLAH

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
(Teknologi Pendidikan)

Fakulti Pendidikan  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2014

## **DEDIKASI KASIH**

*Titipan kasih buat suami yang tersayang.. Sahudin bin Lamingan,  
ayahnda dan ibunda tercinta Abdussah bin Ahmad dan  
Rasimah bt Jantan,  
anaknda Nur Larith Sofea bt Sahudin dan Nur Dufi Lahirah bt  
Sahudin. Selautan terima kasih di atas pengorbanan yang tidak  
terbatas yang telah diberikan sehingga tercapainya impian..*

*Didikasi buat adik-adik yang sentiasa membantu memberikan  
dorongan dan bantuan sehingga terhasilnya  
penulisan dalam hasil penyelidikan di medan perjuangan  
yang sungguh mencabar ini..*

*Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan.. terima kasih di atas  
semangat, dorongan serta nasihat yang dihulurkan  
setiap kali hampir jatuh dan selah dengan  
pelbagai rintangan terutama kekanda  
Masrullah dan adinda Hanim Mohamed  
yang kuat memberikan inspirasi dan dorongan dalam mengatasi  
segala cabaran dan rintangan*

*kepada semua. ....*

*Kalian adalah sumber inspirasiku. ....*

## **PENGHARGAAN**

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, juga selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, dapatlah saya menyiapkan Kajian Projek Sarjana ini dengan jayanya. Terima Kasih Allah...

Setinggi-tinggi penghargaan ikhlas dan terima kasih saya kepada penyelia tesis iaitu Tn Hj Abdul Razak b. Idris di atas kepakaran yang saya kagumi dalam memberi tunjuk ajar yang tidak pernah jemu sepanjang dua semester tempoh penyelidikan tesis ini. Sesungguhnya segala curahan ilmu dan bimbingan yang diberikan akan dijunjung selagi hayat dikandung badan.

Juga ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada semua pensyarah-pensyarah yang menjadi tenaga pengajar yang telah banyak mencurahkan ilmu sepanjang sesi pengajian. Segala jasa baik akan dikenang selamanya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada guru-guru SMK Dato' Ali Haji Ahmad kerana memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan kajian ini.

Juga tidak lupa jutaan terima kasih kepada Rosidah Abdullah Sani, Nor Aireen bt Jara, Mohd Rustam Mohd Rameli dan semua rakan serta individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu dan memberi dorongan bagi menyiapkan tesis ini. Budi baik kalian tetap terpahat diingatan.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan laman rangkaian sosial *Facebook* dalam kalangan guru di sebuah daerah di Pontian. Terdapat lima objektif yang dirangka iaitu mengenal pasti motif penggunaan *Facebook* dalam kalangan guru, mengenal pasti kesan penggunaan *Facebook* dalam kalangan guru, menentukan perbezaan dalam faktor penggunaan *Facebook* oleh guru-guru berdasarkan jantina, menentukan perbezaan dari segi kesan penggunaan *Facebook* oleh guru-guru berdasarkan jantina, dan mengenalpasti halangan yang dihadapi oleh guru-guru dalam penggunaan *Facebook* dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kuantitatif yang mana data diperoleh sepenuhnya menerusi borang soal selidik. Seramai 85 responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada guru bukan dalam kalangan pentadbir. Kesemua data telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science Version 16.0*. Data dianalisis secara deskriptif dengan melihat peratusan dan tahap min pembolehubah dan secara inferensi yang melibatkan ujian-t. Daripada analisis min menunjukkan bahawa motif dan kesan penggunaan laman rangkaian sosial untuk integrasi dan interaksi sosial adalah pada tahap tinggi dengan nilai min masing-masing ialah 4.27 dan 4.38. Ujian-t pula menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan antara motif dan kesan penggunaan laman rangkaian *Facebook* mengikut jantina dengan nilai signifikan masing-masing  $p=0.250$  dan  $p=0.402$ . Akhir sekali, halangan utama yang dikenal pasti dalam penggunaan *Facebook* untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran ialah pelajar tidak menggunakan laman sosial untuk berbincang tentang pelajaran tetapi hanya untuk bersosial dengan nilai min 4.66.

## ABSTRACT

This study aims to examine the use of social networking sites Facebook among teachers in a district of Pontian. The objectives of this study are designed to identify the motives of Facebook use among teachers, the impact of the use of Facebook among teachers, determine the difference factor of the use of Facebook by teachers based on gender, determine the difference in the effect of the use of Facebook by teachers based on gender, identify hindrance faced by teachers in the use of Facebook for teaching and learning. Questionnaire is used as the instrument for this study. All data were analyzed using the Statistical Package For Social Science Version 16.0. Data were analyzed descriptively to see the percentage and the mean level of variables and inference involving the t-test. From the mean analysis shows that the motives and effects of the use of social networking sites for integration and social interaction is high with a mean value of each is 4.27 and 4.38. The T-test showed that there were no significant differences between the motives and impact of Facebook by gender with their significant value of  $p = 0.250$  and  $p = 0.402$ . Finally, the main hindrance in the use of Facebook for teaching and learning is that students are not using social media for learning but just to socialize with a mean value of 4.66.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>PENGAKUAN PENYELIDIK</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii-ix
	<b>SENARAI JADUAL</b>	x
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang masalah	2
	1.3 Penyataan masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6Kepentingan Kajian	6
	1.7 Skop dan batasan kajian	7
	1.8Kerangka teori	8
	1.9 Kerangka Kajian	10
	1.10 Definisi Istilah	10
	1.10.1 Motif	11
	1.10.2 Web 2.0	11

1.10.3	<i>Facebook</i>	12
1.11	Penutup	12
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1	Pendahuluan	14
2.2	Teori Kegunaan dan Kepuasan (Uses and Gratification)	14
2.3	Faktor Penggunaan Web Rangkaian Sosial	15
2.3.1	Faktor Perkembangan Teknologi	16
2.3.2	Faktor Pengaruh Sosial	17
2.4	Kajian Lepas	18
2.4.1	Kajian Lepas tentang Motif Penggunaan Laman Sosial	18
2.4.2	Implikasi Alat Rangkaian Sosial	21
2.4.3	Kajian Penggunaan Facebook Mengikut Jantina	23
2.4.4	Halangan Penggunaan Laman Rangkaian Sosial	24
2.5	Penutup	24
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	26
3.2	Rekabentuk Kajian	27
3.3	Prosedur Kajian	28
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	30
3.5	Lokasi Kajian	31
3.6	Instrumen Kajian	32
3.6.1	Soal Selidik	32
3.7	Kajian Rintis	33
3.8	Analisis data	34
3.8.1	Analisis Statistik Deskriptif	36
3.8.2	Statistik Inferensi	36
3.9	Penutup	37



<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	
4.1	Pengenalan	38
4.2	Latar Belakang Responden	38
4.3	Analisis Motif Penggunaan <i>Facebook</i>	40
4.4	Analisis Kesan Penggunaan <i>Facebook</i>	46
4.5	Analisis Perbezaan Motif Penggunaan <i>Facebook</i> berdasarkan Jantina	53
4.6	Analisis Perbezaan Kesan Penggunaan <i>Facebook</i> berdasarkan Jantina	54
4.7	Analisis Halangan Penggunaan <i>Facebook</i>	55
4.8	Penutup	56
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pendahuluan	57
5.2	Rumusan Kajian	59
5.3	Perbincangan Kajian	60
5.3.1	Motif Penggunaan Facebook	60
5.3.2	Kesan Penggunaan Facebook	61
5.3.3	Perbezaan Motif Penggunaan Facebook Berdasarkan Jantina	62
5.3.4	Perbezaan Kesan Penggunaan Facebook Berdasarkan Jantina	62
5.3.5	Halangan Penggunaan Facebook	63
5.4	Cadangan Kajian	63
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	64
5.6	Penutup	65
	<b>RUJUKAN</b>	66
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Penentuan saiz sampel mengikut populasi oleh Krejcie & Morgan (1970)	31
3.2	Bilangan populasi dan sampel kajian	31
3.3	Bahagian dan Bilangan Item dalam Soal Selidik	32
3.4	Pekali <i>Alpha Cronbach</i>	33
3.5	Hasil Dapatan Kajian Rintis Bagi Taburan Item Penggunaan <i>Facebook</i> dalam Kalangan guru	34
3.6	Kaedah analisis data kuantitatif dan kualitatif	35
3.7	Jadual Pengelasan Berdasarkan Min	36
4.1	Analisis latar belakang responden	39
4.2	Analisis deskriptif motif penggunaan <i>Facebook</i> dari aspek pembentukan identiti diri	40
4.3	Analisis deskriptif motif penggunaan <i>Facebook</i> dari aspek perkongsian maklumat	41
4.4	Analisis deskriptif motif penggunaan <i>Facebook</i> dari aspek integrasi dan interaksi sosial	42
4.5	Analisis deskriptif motif penggunaan <i>Facebook</i> dari aspek hiburan	43

4.6	Analisis deskriptif motif penggunaan <i>Facebook</i> dari aspek kemudahan (aplikasi) yang terdapat dalam <i>Facebook</i>	43
4.7	Analisis deskriptif motif penggunaan <i>Facebook</i> dari aspek pengajaran dan pembelajaran	44
4.8	Analisis pangkatan min motif penggunaan <i>Facebook</i>	45
4.9	Analisis deskriptif kesan penggunaan <i>Facebook</i> dari aspek pembentukan identiti diri	46
4.10	Analisis deskriptif kesan penggunaan <i>Facebook</i> dari aspek perkongsian maklumat	47
4.11	Analisis deskriptif kesan penggunaan <i>Facebook</i> dari aspek integrasi dan interaksi sosial	48
4.12	Analisis deskriptif kesan penggunaan <i>Facebook</i> dari aspek hiburan	49
4.13	Analisis deskriptif kesan penggunaan <i>Facebook</i> dari aspek kemudahan aplikasi <i>Facebook</i>	50
4.14	Analisis deskriptif kesan penggunaan <i>Facebook</i> dari aspek pengajaran dan pembelajaran	51
4.15	Analisis pangkatan min kesan penggunaan <i>Facebook</i>	52
4.16	Analisis ujian-t motif penggunaan <i>Facebook</i>	53
4.17	Analisis ujian-t kesan penggunaan <i>Facebook</i>	54
4.18	Analisis deskriptif halangan penggunaan <i>Facebook</i>	55

**SENARAI RAJAH**

<b>NO</b>	<b>JUDUL</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>RAJAH</b>		
1.1	Model “ <i>Uses and Gratifications</i> ”	8
1.2	Model Kajian Penggunaan Facebook dalam kalangan Guru	10
3.1	Prosedur penyelidikan	29

**SENARAI SINGKATAN**

RSS	<i>really simple syndicator</i>
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PDA	Personal digital assistant
ICT	Teknologi maklumat dan komunikasi
HTML	Hyper Text Markup Language
ASP	Active Server Pages
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	Statistical Package For Social Science
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>
A	Set Borang Soal Selidik
B	Surat Pengesahan Status Pelajar

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Kemunculan internet telah banyak mengubah kaedah seseorang individu dan organisasi sama ada swasta mahupun kerajaan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab malahan turut mengubah kaedah seseorang itu berkomunikasi pada zaman ini. Pertumbuhan pesat dalam penggunaan internet dan peningkatan peralatan tanpa wayar telah membawa kepada pertambahan permintaan untuk memiliki kemudahan teknologi yang lebih baik dan cepat dan seterusnya menyebabkan berlakunya permintaan yang tinggi terhadap akaun atau alamat *e-mel* atau internet agar memudahkan mereka menghantar dan menerima maklumat menerusi hujung jari (Mohamad, 2006).

Penggunaan internet telah menjadi salah satu gaya hidup dan rutin kehidupan masyarakat tanpa mengira lapisan umur dan generasi. Hal ini kerana kemudahan yang semakin canggih menyebabkan seseorang dapat mengaksesnya bukan hanya menerusi penggunaan komputer mudah alih tetapi menerusi telefon pintar yang turut dilengkapi kemudahan melayari internet. Dewasa ini, masyarakat turut menggunakan internet sebagai alat berinteraksi dengan orang lain, sebagai kemudahan untuk bersosial dan bagi membentuk perhubungan yang lebih bertahan lama malah boleh berkembang dan meluas secara realiti dalam kehidupan sosial mereka.

Pada era komunikasi ini, kemunculan *Facebook* yang lebih ramai pengikutnya berbanding jaringan sosial lain seperti *Twitter*, *MySpace*, *Hi5* dan *Orkut* telah berjaya menghubungkan dan menggabungkan komuniti masyarakat dunia untuk berhubung dan berinteraksi dengan orang lain. Pengguna juga dapat menambah kenalan mereka, mengirim pesanan dan memperbaharui profil peribadi mereka agar orang lain dapat mengetahui tentang dirinya.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Pada zaman teknologi merentas masa, komunikasi telah mula menampakkan perubahan dari segi kaedah, dan tujuan penggunaannya. Jika dahulu manusia hanya menggunakan media massa tradisional seperti akhbar, majalah dan televisyen untuk mendapatkan maklumat namun, kehadiran teknologi berwajah baharu iaitu alat rangkaian sosial menerusi tapak *Web 2.0* telah menyebabkan berlakunya komunikasi dua hala di alam maya dengan hanya menggunakan hujung jari sahaja.

Masalah komunikasi menerusi media tradisional seperti telefon dan surat adalah seperti jarak dan masa, kesukaran mendapatkan maklumat dan tempoh masa untuk sesuatu mesej itu sampai agak lama. Masalah dalam komunikasi ini telah menyebabkan manusia mula beralih menggunakan teknologi internet sebagai media komunikasi yang baharu.

Tanpa dapat disanggah lagi kaedah seseorang memperoleh maklumat dan juga berhubung telah mula berubah semenjak kehadiran pelbagai laman rangkaian sosial seperti *Facebook*. Terdapat pelbagai motif penggunaan *Facebook* oleh masyarakat terutama dalam kalangan guru. Hal ini termasuklah untuk bersosial serta mendapatkan maklumat. Pada peringkat awal kemunculan laman *Web 2.0* adalah bertujuan untuk mengeratkan perhubungan dengan kenalan atau ahli sesama mereka sahaja. Laman web



*Facebook* yang telah dibangunkan pada 4 Februari 2004 oleh penciptanya iaitu Mark Zuckerberg pada awalnya adalah khusus untuk penggunaan pelajar sekolah tinggi Ardsley dan penuntut Universiti Harvard sahaja (edu.email adress). Namun permintaan bagi berkomunikasi telah mula mendapat sambutan yang mendadak sehingga lahir pula tapak *Web 2.0* yang lain seperti *Friendster*, *MySpace*, *Hi5* dan lain-lain.

Menurut Tim O'Reilly (2005) *Web 2.0* adalah satu perubahan dalam industri komputer yang berlaku dalam tapak internet yang baharu. *Web 2.0* memberi banyak kemudahan kepada pengguna yang melayari internet malah semakin mendapat tempat dalam kalangan orang ramai pada masa kini. Seseorang mampu untuk berjumpa dengan kenalan baharu melalui laman *Web 2.0* ini. Selain itu, kemudahan-kemudahan yang disediakan lebih menarik perhatian pengguna kerana memudahkan pengguna mendapatkan maklumat yang diperlukan, memuat turun lagu, video, perisian serta berkongsi masalah dengan kenalan mereka di alam maya.

Selain berkenalan dan bertukar maklumat, melalui laman web ini, pengguna juga dapat berinteraksi dengan pengguna lain tanpa perlu bersemuka seperti perbualan dalam talian, bertukar pesanan, e-mel, video, perbualan suara, perkongsian fail, blog dan kumpulan perbincangan. Perubahan dalam *Web 2.0* memberi peluang kepada pengguna untuk menyunting sebarang artikel atau pertukaran yang ada mengikut kehendaknya menerusi kemudahan "*really simple syndicator*" atau dikenali sebagai RSS. Sebelum ini, sesuatu artikel tidak dapat diubahsuai.

Pada kebiasaannya, penggunaan laman *Web 2.0* adalah lebih kepada interaksi sosial dan memenuhi masa lapang seseorang itu. Hal ini adalah kerana laman web ini dibina pada awalnya lebih kepada hubungan sosial antara sesuatu komuniti tertentu dan corak penerimaan ini telah diteruskan dan tetap dilabelkan sedemikian oleh pengguna laman *Web 2.0* ini.

Di Malaysia, *Facebook* menjadi seolah-olah satu keperluan untuk berhubung pada masa kini. Sebelum ini, ramai yang menggunakan pesanan ringkas (SMS) untuk berhubung sesama rakan, namun kecanggihan teknologi terkini menyebabkan laman web ini turut dilayari dengan menggunakan telefon bimbit yang menyediakan kemudahan *wifi* dan rangkaian 3G.

Pada masa kini, guru merupakan pendidik yang seharusnya tidak ketinggalan dalam menerjah arus teknologi moden kini. Pada masa kini, warga pendidik turut menggunakan *Facebook* untuk berkomunikasi dengan dunia luar, dan mendapatkan maklumat. Berbanding laman sosial lain seperti *Twitter*, dan *MySpace*, *Facebook* merupakan laman sosial yang popular. Apakah motif penggunaan *Facebook* dalam kalangan guru sekolah menengah pada hari ini? Apakah kesan penggunaan laman rangkaian sosial *Facebook* ini dan halangannya? Semua persoalan akan cuba dirungkai oleh pengkaji dalam kajian ini.

### **1.3    Penyataan Masalah**

Pada masa kini sesungguhnya komunikasi manusia mula berhadapan dengan cabaran untuk membentuk individu yang mempunyai kecairan maklumat yang tinggi. Seseorang individu yang menjadi penyampai maklumat seharusnya memiliki kemahiran dan pengetahuan secukupnya dalam bidang teknologi kerana penyebaran pengetahuan utama abad ke 21 adalah berkaitan dengan teknologi maklumat. Oleh itu, masyarakat pada masa kini mula mencari alternatif lain bagi mengatasi masalah dalam alat komunikasi seperti telefon, akhbar, dan surat dengan menggunakan internet sebagai media berkomunikasi yang baru.

Memandangkan *Facebook* yang telah menjadi satu media perhubungan yang terkenal (Zamris, 2009), maka seharusnya kita mengetahui tentang penggunaan *Facebook* sebagai satu wadah berkomunikasi dan mendapatkan maklumat dengan cepat.

Sebagai contoh, guru sebagai seorang professional perlu memahami akan keperluan mendapatkan maklumat dan kaedah berkomunikasi pada masa kini. Hal ini perlu dilakukan dengan mengamalkan sikap sebagai pelajar iaitu berusaha menambah ilmu pengetahuan dan memperbaharui ilmunya menerusi pembelajaran sepanjang hayat. Guru yang berkualiti ialah guru yang mahir dalam profesionnya dan sentiasa mengikuti perkembangan teknologi semasa. Oleh itu, dengan menggunakan *Facebook* sebagai alat berkomunikasi, maka tahap keprofesionalan guru dapat dipertingkatkan.

Dengan menggunakan laman sosial *Facebook*, maka seseorang itu dapat berinteraksi dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia. Penggunaan *Facebook* menyebabkan komunikasi yang berlaku tidak lagi dibatasi oleh waktu dan juga jarak geografi. Kaedah menggunakan laman sosial juga dapat menarik minat dalam berkomunikasi kerana ia menjadikan pengguna lebih aktif apabila dapat membina pengetahuan menerusi penggunaan internet. Hal ini bermaksud pengguna menggunakan laman rangkaian sosial untuk meningkatkan lagi hubungan dengan rakan dan dunia luar tanpa perlu risau akan sempadan geografi.

Oleh itu, penyelidik cuba untuk mengkaji apakah motif sebenar masyarakat, dalam konteks ini guru menggunakan laman rangkaian sosial, kesan dan halangan dalam penggunaannya.

#### **1.4 Objektif Kajian**

- i. Menenal pasti motif penggunaan *Facebook* dalam kalangan guru.
- ii. Menenal pasti kesan penggunaan *Facebook* dalam kalangan guru.
- iii. Menentukan perbezaan dalam faktor penggunaan *Facebook* oleh guru-guru berdasarkan jantina.
- iv. Menentukan perbezaan dari segi kesan penggunaan *Facebook* oleh guru-guru berdasarkan jantina.

- v. Mengenalpasti halangan yang dihadapi oleh guru-guru dalam penggunaan *Facebook* dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

### **1.5 Persoalan Kajian**

- i. Apakah motif penggunaan *Facebook* oleh guru?
- ii. Apakah kesan penggunaan *Facebook* oleh guru?
- iii. Apakah terdapat perbezaan signifikan dalam motif penggunaan *Facebook* oleh guru-guru mengikut jantina?
- iv. Apakah terdapat perbezaan signifikan dari segi kesan penggunaan *Facebook* oleh guru-guru mengikut jantina?
- v. Apakah halangan yang dihadapi oleh guru-guru dalam penggunaan *Facebook* dalam pengajaran dan pembelajaran?

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Daripada kajian ini, pengkaji berharap dapat membantu pihak-pihak yang terlibat menilai tahap penggunaan *Facebook* sebagai satu landasan bagi membantu mereka meningkatkan komunikasi mereka. Hal ini dapat dilakukan menerusi soal selidik berkaitan motif penggunaan *Facebook* oleh guru sama ada mereka menggunakan *Facebook* untuk tujuan bersosial atau bertujuan untuk mendapatkan maklumat atau bertujuan untuk meningkatkan PdP mereka.

Daripada kajian ini juga, pengkaji berharap dapat memberi maklumat kepada semua guru mengenai kesan terhadap mereka sekiranya mereka menggunakan *Facebook* secara meluas dalam komunikasi berbanding menggunakan media komunikasi tradisional seperti surat. Seharusnya mereka dapat mengetahui bahawa sesungguhnya

banyak kesan yang akan diperoleh oleh mereka sekiranya mereka menggunakan laman rangkaian sosial tersebut dalam kehidupan mereka.

Kajian ini juga boleh dijadikan sumber meluas kepada PPD untuk melihat kesan penggunaan *Facebook* dalam kalangan guru terhadap komunikasi mereka. Dapatan kajian akan dapat menentukan arus perubahan yang bakal dibuat oleh pihak tertentu dalam membina *Facebook* yang dapat dimanfaatkan oleh semua guru. PPD seharusnya menggalakkan penggunaan *Facebook* di sekolah-sekolah dengan membantu mengenal pasti tahap kemahiran guru dalam menggunakan aplikasi yang tersedia di dalam *Facebook* itu sendiri. Kursus-kursus yang bersesuaian perlu diberikan kepada guru yang belum menunjukkan kemahiran dalam menggunakan teknologi ini.

Kajian ini turut diharapkan memberi manfaat kepada JPN dalam merangka dasar pendidikan bagi memastikan tahap pendidikan adalah mencapai tahap yang baik. Dengan mengetahui motif penggunaan laman rangkaian sosial oleh guru, JPN boleh merangka dasar untuk menggalakkan lebih ramai guru menggunakannya dalam PdP.

Diperingkat KPM pula, kajian ini dapat membantu mengkaji tahap penggunaan TMK dalam PdP. Hal ini dapat dilihat sama ada guru menggunakan komputer khususnya internet dalam PdP. Dengan itu, KPM dapat merangka dan menyediakan kursus dan bengkel seperti bengkel aplikasi laman rangkaian sosial dalam PdP.

## **1.7 Skop dan Batasan Kajian**


Skop kajian adalah bertujuan untuk memastikan kajian ini memenuhi matlamat dan objektif kajian yang telah ditetapkan. Oleh itu, pengkaji memilih responden yang terdiri daripada kumpulan guru yang sememangnya mempunyai akaun *Facebook* disebuah sekolah menengah di daerah Pontian. Guru-guru tersebut menggunakan

*Facebook* dalam kehidupan seharian mereka bagi mendapatkan maklumat dan berkomunikasi bersama rakan *Facebook*.

Kajian ini hanya dilakukan terhadap guru-guru di sebuah sekolah menengah harian di Pontian. Selain itu, kajian ini hanya mengkaji motif, kesan dan halangan penggunaan *Facebook* dalam kalangan guru sahaja disamping mengkaji halangan yang dihadapi oleh guru ketika menggunakan *Facebook*.

## 1.8 Kerangka Teori

Kajian ini akan memberikan penjelasan tentang bagaimana penggunaan *Facebook* dalam kalangan guru menerusi elemen asas dalam penggunaannya iaitu latar belakang, motif, penggunaan media dan kesan. Namun fokus perincian akan ditumpukan kepada aspek motif dan kesan. Keempat-empat elemen asas ini memainkan peranan yang sangat penting dalam mengenal pasti penggunaan *Facebook* dalam kalangan guru. Rajah 1.1 di bawah adalah model “*Uses and Gratifications*” seperti yang telah diringkaskan oleh Abdu Rahman Lumban Tobing (2010).



**Rajah 1.1:** Model “*Uses and Gratifications*”

Sumber: Abdu Rahman Lumban Tobing. Pola Penggunaan *Facebook* Di Kalangan Mahasiswa USU.2010

Penerangan proses model tersebut adalah seperti dibawah sebagaimana yang diterangkan oleh Abdu Rahman Lumban Tobing (2010) dalam kajiannya.

**1.8.1 Latar Belakang terdiri daripada:**

- i. Pembolehubah individu iaitu data demografi seperti usia, jantina dan faktor psikologi seseorang.
- ii. Pembolehubah lingkungan seperti organisasi, sistem sosial dan struktur sosial.

**1.8.2 Motif boleh Beroperasi dalam Pelbagai Cara:**

- i. Unfungsional (keinginan untuk melarikan diri, hubungan sosial, atau bermain)
- ii. Bifungsional (maklumat-pendidikan)
- iii. Empat fungsi (lencongan, hubungan peribadi, identiti peribadi dan *surveillance*)
- iv. Pelbagai fungsi.


**1.8.3 Penggunaan Media terdiri:**

- i. Jumlah waktu yang digunakan dalam pelbagai media
- ii. Pelbagai hubungan antara pengguna dengan kandungan media yang digunakan atau media keseluruhan

**1.8.4 Kesan Media:**

- i. Penilaian keupayaan media untuk memberikan kepuasan
- ii. Sebagai media pergantungan, dan pengetahuan

## 1.9 Kerangka Kajian



**Rajah 1.2:** Model Kajian Penggunaan *Facebook* dalam kalangan Guru

Rajah 1.2 menjelaskan kerangka konseptual kajian. Penggunaan laman rangkaian sosial oleh guru diperoleh bagi melihat pandangan mereka terhadap penggunaan *Facebook*. Bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci, pandangan guru yang diperoleh adalah daripada guru yang mempunyai pengalaman menggunakan rangkaian yang berbeza-beza. Sementara itu pula, bagi pembolehubah penggunaan *Facebook*, terdapat dua dimensi yang diukur iaitu motif penggunaan *Facebook* dan kesan penggunaan *Facebook*. Akhir sekali, halangan penggunaan *Facebook* juga diukur bagi melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam menggunakan *Facebook* untuk pengajaran dan pembelajaran mereka.

## 1.10 Definisi Istilah

Ada enam istilah atau konsep utama yang sering digunakan bagi menerangkan kajian yang hendak dijalankan iaitu, motif, *Web 2.0*, *Facebook*.



### 1.10.1 Motif

Motif boleh didefinisikan sebagai tujuan atau matlamat. Menurut Zaidi *et.al* (2013), motif merupakan satu komponen yang penting dalam aktiviti audien dan mempengaruhi tindakan seseorang itu. Motif juga merupakan suatu pengertian yang mencakupi semua penggerak, alasan atau dorongan dalam diri manusia yang menyebabkannya melakukan sesuatu. Semua tingkah laku manusia pada hakikatnya mempunyai motif.

Dalam kajian ini motif merujuk kepada tujuan pengguna menggunakan laman sosial sehingga mendorong kepada penggunaan *Facebook* berbanding laman sosial lain seperti *Twitter* dan *MySpace*.

### 1.10.2 Web 2.0

*Web 2.0* merupakan istilah yang menggambarkan aplikasi Internet kolaboratif. *Web 1.0* peringkat awal adalah statik, berpusat, berasaskan kandungan, sedia dibaca, kaku dan bersifat individu. Sebaliknya, *Web 2.0* adalah dinamik, tersebar, berasaskan perkhidmatan, sedia ditulis, bersatu tanpa terikat dan sosial. Perbezaan utama *Web 1.0* dengan *Web 2.0* adalah dari segi penglibatan pengguna lebih besar dalam membina dan menguruskan isi kandungan, yang mana ini menukar sifat dan nilai sesuatu maklumat (Sendall, Ceccucci & Peslak, 2008).

Teknologi *Web 2.0* juga dipanggil sebagai Web sosial termasuklah blog, wiki (Wikipedia), rangkaian sosial (*social networking*) and *social bookmarking* yang dibangunkan untuk menyokong pembelajaran kolaboratif (Ajjan & Hartshorne, 2008; O'Reilly, 2005). *Web 2.0* membenarkan dan memudahkan penglibatan aktif setiap pengguna. Hal ini bermakna menerusi penggunaan teknologi ini, para pelajar dan guru

menjadi lebih aktif dan terlibat secara individu (Ajjan & Hartshorne, 2008; Maloney, 2007; McLoughlin & Lee, 2007).

### **1.10.3 Facebook**

Dalam era pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang semakin pesat, internet merupakan saluran maklumat dan komunikasi yang digunakan secara meluas. *Facebook* merupakan salah satu laman sesawang sosial yang lahir daripada perkembangan teknologi yang kian canggih. *Facebook* ialah sebuah tapak web rangkaian sosial yang dikendali dan dimiliki secara persendirian oleh *Facebook, Inc.* Sejak 2006, sesiapa yang berumur 13 tahun 15 ke atas dan memiliki alamat *e-mel* yang sah boleh menjadi pengguna *Facebook*.

Sasaran *Facebook* adalah terdiri daripada golongan belia berbanding golongan dewasa. Menerusi penggunaan laman rangkaian sosial tersebut, seseorang pengguna itu boleh menambah rakan dan saling menghantar mesej, serta mengemaskini profil peribadi mereka untuk tatapan rakan-rakan. Selain itu, pengguna juga boleh menyertai rangkaian (*group*) yang dianjurkan oleh tempat kerja, sekolah, atau kolej. Nama *Facebook* berasal daripada timangan yang digunakan untuk buku-buku yang diserahkan oleh pihak pentadbiran universiti kepada para penuntut pada permulaan tahun akademik di Amerika Syarikat dengan tujuan membantu penuntut saling mengenali.

## **1.11 Penutup**

Kemudahan teknologi yang semakin berubah hakikatnya memudahkan komunikasi dalam kalangan guru. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebilangan guru masih menggunakan kaedah tradisional yang dianggap lebih mudah bagi mereka. Guru seharusnya mengambil peluang terhadap kepesatan dunia internet untuk mengubah

cara mereka berkomunikasi agar tidak ketinggalan dan mampu untuk bersaing dengan anak didik dalam menambah ilmu pengetahuan dan maklumat. Hal ini kerana, pelajar didapati banyak menghabiskan masa di laman sosial seperti *Facebook*.

Oleh itu, dalam bab ini, pengkaji telah menerangkan secara terperinci aspek yang ingin dikaji. Berdasarkan objektif yang telah dirangkakan berserta dengan persoalan kajian yang menjadi matlamat kajian, diharapkan bab ini dapat memberi gambaran yang jelas kepada pembaca tentang objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini.

## RUJUKAN

- Ahmad Basri Hashim (2003). *Pendidikan dalam Internet*. Kuala Lumpur: Utusan Publication& Distributors Sdn. Bhd.
- Ajjan, H., & Hartshorne, R. (2008). Investigating faculty decisions to adopt Web 2.0 technologies: theory and empirical tests. *The Internet and Higher Education*, 11 (2): 71-80.
- Asniza Musa & Zaidatun Tasir. (2011). *Implikasi alatan rangkaian sosial terhadap proses pengajaran dan pembelajaran*. <http://pdfscout.org/Implikasi-Alatan-Rangkaian-Sosial-Terhadap-Proses-Pengajaran-dan-Pembelajaran>. Diakses pada 3 Mei 2013.
- Azizi Yahya *et al* (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTSP Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Blumler, J. G. & Katz, E. (1974). The use The uses of mass communications: Current perspectives on gratifications research. *Journal of Broadcasting & electronic Media*. 53 (3), 460-476.
- Boyd, D. M., & Ellison, N. B. 2007. Social network sites: Definition, history, and scholarship. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 13(1). Diakses pada 1 Mei 2013. [jcmc.indiana.edu/vol14/issue1/boyd.ellison.html](http://jcmc.indiana.edu/vol14/issue1/boyd.ellison.html)
- Bartlett-Bragg,A.(2006). *Reflections on pedagogy: Reframing practice to foster informal learning with social software*.  
<http://www.dream.sdu.dk/uploads/files/Anne%20Bartlett-Bragg.pdf>.  
Diakses pada 22 April 2013.
- Chua, Y.P., (2006a). *Kaedah Penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education
- Graziano, A.M.,& Raulin, M.L. (1996). *Research Methods: A Process of Inquiry*. Boston, MS: Allyn & Bacon.
- Ishii, K. (2008). *Uses and Gratifications of Online Communities in Japan*. Diakses pada 6 Mac 2013 dari [www.obs.obercom.pt/index.php/obs/article/download/176/179](http://www.obs.obercom.pt/index.php/obs/article/download/176/179).
- Jeyamani, M (2010). *Penggunaan Laman Rangkaian Sosial (Facebook dan Friendster) dan Pengaruhnya Terhadap Para Pelajar Tingkatan 4 di Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Krejcie, R. V. dan Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610.

- McMillan, J.H., and Schumacher, S (1984). *Research in Education*, (terjemahan Aminah Hj. Hashi). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- McQuail, D. (1983). *Mass Communication Theory*. London: Sage.
- Miles, M.B, and Huberman, M.A (1994). *Qualitative Data Analysis: A Source Book of New Methods*. Beverly Hills: Sage Production
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Patricia, M.O., Kathleen, O.K., Phyllis, S., and Michael D. (2000). *Internet Use Among Female and Male College Students*, 3 : 5, 855-862. Mary Ann Liebert, Inc.
- Paul, C. (2002). *The Impact of ICT on Learning and Teaching*, edupress, 2002.
- Rafidah Hj Ismail (2010). *Hubungan Akrab Remaja dan Internet Dalam Pendidikan Remaja – Satu Kajian Kes*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ritcher, A. & Koch, M. (2008). *Functions of Social Networking services*. COOP'08: the 8th International
- Rosidah Abdullah Sani (2013). *Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah Terhadap Pelaksanaan Pengurusan Kurikulum dari Aspek Kepimpinan dan Pengawasan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Rotsztein B. (2003). *Problem Ineternet Use and Locus of Control Among Collage Students, The 35<sup>th</sup> Annual Conference of the New England educational Resource Organization*. April 10. Lyn Ch School of Education: Boston Collage
- Shahrizan Salian (2010, Mac 11). *Teknologi: Remaja Guna Laman Web Sosial Pamer Populariti Diri*. Berita Harian Online, diakses pada November 11, 2012, sumber dari:  
[http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Teknologi\\_Remajagunalamanw\\_ebsosialpamerpopularitidiri/Article/](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Teknologi_Remajagunalamanw_ebsosialpamerpopularitidiri/Article/)
- Sheldon, P. (2008). *Students Favorite: Facebook and Motives for its Use*. Southern Mass Communication
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah (2011). *Jurnal Pengajian Media Malaysia. Malaysian Journal of Media Studies*. Vol. 13, No. 2, Pages 93–110
- Zoraini Wati Abas (1995). *Komputer dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.